

Berhati-hati di Jalan Raya Sempena Sambutan Aidilfitri-PM

Dato' Shaziman melepaskan 3 buah bas yang membawa pulang pelajar UPM ke kampung masing-masing.

SERDANG, 3 September – Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak menggesa pemandu kenderaan supaya berhati-hati di jalan raya ketika pulang ke kampung sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Perdana Menteri merayu semua pemandu mengutamakan keselamatan dengan memandu secara berhemah ketika pulang ke kampung halaman masing-masing.



Dato' Shaziman memberi sedikit taklimat kepada pelajar-pelajar UPM sebelum berangkat pulang ke kampung halaman.

"Pada masa yang sama jangan lupa disiplinkan diri kita dengan mematuhi peraturan jalan raya yang ditetapkan," katanya dalam ucapan khas 'Mesej Daripada Perdana Menteri' yang dilancarkan oleh Menteri Kerjaya Raya, Dato' Shaziman Abu Mansor di Kolej Kelima, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini.

Beliau juga mengingatkan generasi muda supaya berhati-hati dan menghargai nyawa apabila berada di jalan raya kerana mereka merupakan aset penting untuk masa depan negara.



Majlis turut dihadiri Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar dan Naib Canselor UPM, Prof. Tan Sri Datuk Dr. Nik Mustapha Abdullah.

Pada majlis itu, Dato' Shaziman turut melepaskan konvoi 20 kendaraan pelajar dan 3 bas UPM balik ke kampung masing-masing.



Beliau juga menyerahkan 15 kereta peronda kepada pasukan Polis Diraja Malaysia dan enam van ambulan kepada St. John Ambulance dan Persatuan Bulan Sabit Merah yang ditaja oleh PLUS Expressway Berhad (PLUS).

Majlis dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya Malaysia, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Plus Expressways Bhd, Oriental Businesslink Sdn Bhd, Polis Diraja Malaysia dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.



Dato' Shaziman bergambar kenangan bersama wakil dari Majlis Pewakilan Pelajar UPM.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Mohd Faisal Md Noor, 03-89466013, Fotografi Marina Ismail 03-89466199).**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia